

Kumpulan pertama 252 pelajar UMS mendaftarkan diri

KOTA KINABALU, Ahad - Sekumpulan 252 orang penuntut mendaftarkan diri hari ini sebagai kumpulan pertama penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Seramai 140 penuntut itu adalah dari Semenanjung Sarawak dan selebihnya penuntut tempatan yang akan memulakan pengajian pada 17 Julai.

Naib Canselor UMS, Datuk Prof. Dr Abu Hassan Othman turut berada di Kolej Komuniti Yayasan Sabah, yang dijadikan

kampus sementara UMS dekat sini, untuk menyaksikan pendaftaran para penuntut.

Program orientasi selama seminggu termasuk sesi orientasi di Kem Tahan Lasak di Kinarut kira-kira 25 km dari sini, akan bermula esok.

UMS, universiti yang kesembilan diwujudkan di negara ini, menawarkan tiga program akademik iaitu masing-masing dalam bidang Sains dan Teknologi, Perniagaan dan Ekonomi serta Sains Sosial.

Lailanie Capillanes, 20, dari Tawau, di pantai timur Sabah ketika ditemui berkata, beliau amat bangga menjadi penuntut pertama menyertai UMS.

"Saya menerima banyak tawaran dari universiti lain, tetapi atas galakan keluarga, saya memilih UMS," katanya.

Katanya faktor kemiskinan keluarga juga menyebabkan beliau terpaksa memilih UMS bagi mengelakkan kos yang tinggi jika beliau belajar di universiti luar daripada Sabah.

Sharmila Kaur, 21, dari Klang, Selangor berkata, beliau gembira menjadi penuntut sulung UMS, sebagai satu usaha ke arah integrasi antara rakyat Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Beliau yang tiba di sini sejak dua hari lepas tertarik dengan keindahan bandar Kota Kinabalu dan mendapati ia tidak banyak berbeza dengan bandar lain di Semenanjung Malaysia. — Bernama